

Headline **Kos tunai haji kekal RM9,980**  
Date **04 Apr 2011**  
MediaTitle **Utusan Malaysia**  
Section **Dlm Negeri**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**  
Page No **1,5**  
Article Size **240 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **4,743**  
PRValue **14,229**



# Kos tunai haji kekal RM9,980

- Kos menunaikan haji tahun ini kekal seperti tahun lepas iaitu sebanyak RM9,980 bagi setiap jemaah yang pertama kali menunaikan ibadat itu.
- Pengekalan kos itu secara tidak langsung membabitkan tambahan subsidi oleh kerajaan untuk setiap jemaah sebanyak RM4,360 berbanding RM3,060 tahun lalu.
- Mereka yang pernah menunaikan haji perlu membayar tambang penuh iaitu RM14,340 kerana dikecualikan mendapat subsidi.

**BERITA PENUH DI MUKA 5**

## Kos tunai haji kekal

Oleh **JAMLIAH ABDULLAH**  
pengarang@utusan.com.my

**JERAI** 3 April - Kos menunaikan ibadat haji di tanah suci Mekah tahun ini kekal iaitu sebanyak RM9,980 seperti tahun lepas bagi setiap jemaah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom (**gambar**) berkata, pengekal kos itu secara tidak langsung membabitkan tambahan subsidi oleh kerajaan untuk setiap jemaah sebanyak RM4,360 berbanding RM3,060 tahun lalu.

Katanya, keputusan tersebut mengambil kira pertimbangan daripada pelbagai sudut dan pandangan termasuk keperluan pendeposit di Lembaga Tabung Haji (TH).

"Di sebalik peningkatan kos pengangkutan, makan minum dan penginapan di tanah suci, kerajaan tetap menimbangkan terutamanya keperluan pendeposit haji yang berusia dan berharap menunaikan haji.

"Ia juga mengambil kira prestasi pencapaian TH yang mampu mengendalikan dengan sebaik mungkin urusan ini serta keuntungan yang diperolehi pada 2010. Jadi kita mengekalkan tambang haji tahun terdahulu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas

Headline **Kos tunai haji kekal RM9,980**  
Date **04 Apr 2011**  
MediaTitle **Utusan Malaysia**  
Section **Dlm Negeri**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**  
Page No **1,5**  
Article Size **240 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **4,743**  
PRValue **14,229**

merasmikan Mesyuarat Agung Per-  
satuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)  
Sekolah Kebangsaan Gurun Pusat di  
sini hari ini.

Bagaimanapun, kata Jamil Khir,  
tambang tersebut hanya untuk je-  
maah yang pertama kali menunai-  
kan haji sahaja.

“Bagi mereka yang pernah me-  
nunaikan haji perlu membayar tam-  
bang penuh iaitu RM14,340 kerana  
dikecualikan mendapat subsidi. Ini  
sebagai memberi peluang mereka  
yang pertama kali ingin menunai-  
kan haji,” katanya.

Katanya, kos sebenar tersebut ju-  
ga masih rendah berbanding negara

seperti Singapura sebanyak  
RM16,000, Brunei (RM17,000),  
Thailand (RM14,000) dan Indonesia  
RM10,000 hingga RM14,000.

Tambah beliau, dianggarkan le-  
bih 500,000 pendeposit TH memo-  
hon untuk mengerjakan haji pada  
tahun ini.

“Namun semua ini bergantung  
kepada kuota yang akan dibenarkan  
oleh kerajaan Arab Saudi nanti.

“Pada masa yang sama kita akan  
berusaha memohon kuota sebanyak  
mungkin tetapi masih dalam ling-  
kungan kemampuan TH mengurus-  
kannya demi keselesaan jemaah me-  
ngerjakan ibadat itu kelak,” katanya.

